

Sukan

SUKAN ASIA INDONESIA

Pengalaman 'berharga' pasukan silat di Sukan Asia

► SITI AISYAH NORDIN
naisyah@sph.com.sg

PENGALAMAN pasukan silat negara di Sukan Asia boleh dianggap sebagai 'parut' yang akan terus dikenang.

Demikian sentimen yang dilahirkan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alau'ddin Yaacob Marican semasa ditemui *Berita Harian* di Terminal 2, Lapangan Terbang Changi, semalam.

Ketibaan pasukan negara sekitar tiga petang itu disambut dengan sorakan dari anggota keluarga dan penyokong yang telah menanti kehadiran mereka sejam sebelum itu.

Penyokong datang lengkap dengan sepanduk: "Tahniah pasukan silat! Anda berjaya!"

Walaupun akui berasa puas hati dan bangga dengan persembahan anak buahnya, Sheik Alau'ddin melahirkan rasa kecewa dengan 'rintangan' yang dihadapi mereka semasa pertandingan di Jakarta.

"Pertandingan kali ini memang lebih istimewa bagi kami, kerana buat julung-julung kalinya kami mengambil bahagian dalam Sukan Asia.

"Sebelum ke sana, mereka telah menjalani latihan teruk untuk mempersiapkan diri secara fizikal dan juga mental. Tapi apabila di sana ada rintangan lain pula yang terpaksa kita hadapi," katanya.

Menurut beliau, sistem pengadilan silat Sukan Asia amat kontroversial.

"Keputusan pengadil kali ini membuatkan ramai pesilat dan juga penyokong berasa sangat terkesan.

"Kami berasa seolah-olah 'dirompak' beberapa pingat emas, dan bukan kami sahaja, saya rasa ini juga dialami pesilat dari negara lain," katanya yang telah menyasarkan empat pingat emas dari temasya sukan tersebut.

Secara keseluruhannya, skuad pencak silat negara meraih dua perak menerusi

Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin dalam final Kelas I (85-90kg) dan Nurzuhairah Yazid, yang mendapat tempat kedua dalam acara seni tunggal puteri.

Tiga pingat gangsa diperolehi Sheik Farhan Sheik Alau'ddin menerusi tanding kelas J (90-95 kilogram); Siti Khadijah Mohd Shahrem menerusi tanding puteri kelas C (55-60 kilogram); dan Nurul Shafiqah Mohd Saiful menerusi acara tanding puteri kelas B (50-55 kilogram).

Bagi Nurzuhairah, walau apa pun yang terjadi, pengalaman bertanding di Sukan Asia memang sesuatu amat berharga.

"Selepas giliran saya, memang berasa tertekan kerana melihat pada sistem pengadilan di sana, saya tidak yakin boleh menang pingat.

"Tetapi apabila mereka menyebut nama saya sebagai pemenang, memang merupakan detik yang penuh emosi," katanya.

Walau berasa bangga dengan persembahan teman sepasukannya yang lain, juara silat dunia Shakir Juanda, berasa terkilan dapat beraksi hanya dua minit dalam perlawanannya sebelum pengsan disebabkan tumbukan lawan yang dikatakan terkena muka.

"Memang bagi saya banyak cabaran yang harus dilalui, antaranya adalah untuk menurunkan berat badan sekitar 20 kilogram untuk layak memasuki kategori yang ditetapkan (Kelas F 70-75kg), dan saya telah memulakan diet untuk menurunkan berat badan dan juga latihan enam bulan sebelum itu.

"Tetapi bila sampai masanya saya hanya berpeluang beraksi selama dua minit sahaja, jadi macam tak puas lah," katanya.

Katanya, Sheik telah mengemukakan perkara tersebut kepada pengadil, namun tidak berhasil.

Walau bagaimanapun, Shakir menambah bahawa mereka harus kembalikan semangat dan berlatih untuk Kejohanan Pencak Silat Dunia yang akan berlangsung di Singapura pada Disember ini.



KEPULANGAN DIRAI:

Pemenang pingat perak, Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin dengan keluarganya. (Dari kiri) Sheik Ashiddiq Sheik Alau'ddin, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, yang menang pingat gangsa, bapa Sheik Alau'ddin; Sheik Ferdous; dan Sheik Fayz. Depan ialah Nur Shaqira, dan ibu Saadiah Sanuse. - Foto-foto BH oleh LIN ZHAOWEI

BERSAMA KELUARGA:

Pemenang pingat perak Nurzuhairah Yazid (depan, tengah) bersama keluarga. Nurzianah Yazid (depan kiri); ibu Norah Masaod (depan kanan) dan bapa Mohammad Yazid.